



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA

*National University
of Malaysia*

KOMPUTER SEBAGAI ALAT, GURU DAN PELAJAR

NAMA KUMPULAN : 3

AHLI KUMPULAN :

- | | |
|--|---------|
| 1. NUR FARAH NABILAH BINTI SHAARI | A153730 |
| 2. NORSYAZA AQILAH BINTI SAHAL | A153866 |
| 3. NUR MUSFAIQAH BINTI MOHAMED MUSTAPA | A152994 |

KERANGKA KANDUNGAN LAPORAN

- 1.0 PENGENALAN
- 2.0 KOMPUTER SEBAGAI ALAT
- 3.0 KOMPUTER SEBAGAI PENGAJAR
- 4.0 KOMPUTER SEBAGAI PELAJAR
- 5.0 RUMUSAN
- 6.0 RUJUKAN

1.0 PENGENALAN

Selaras dengan era teknologi pada zaman kini, komputer merupakan salah satu perkembangan yang membantu dalam perjalanan kehidupan seharian kita. Kini, ada sahaja perkara yang memerlukan kita menggunakan komputer dalam kehidupan seharian. Sebagai pengetahuan am perkataan computer berasal dari bahasa latin iaitu *computare* yang bermaksud menghitung (to compute). Komputer membawa revolusi baru ke seluruh dunia. Di dalam isu pertama majalah Time, 1983, ia menamakan komputer sebagai *Machine of the Year* (Zoraini, 1983).

Penggunaan teknologi komputer dalam bidang pendidikan bukanlah sesuatu yang baru, malah telah lama diperkenalkan di negara-negara maju seperti Amerika dan Eropah sejak awal tahun 60 an lagi. Malaysia tidak ketinggalan dalam menikmati arus pembangunan yang berasaskan komputer ini. Dalam konteks pendidikan, ia bukan hanya mampu membantu tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran, tetapi berpotensi sebagai alat untuk mengayakan lagi persekitaran pengajaran dan pembelajaran bagi hampir semua mata pelajaran. Penciptaan mikro komputer pada awal tahun 70 an telah memberi kesan yang mendalam kepada penggunaan teknologi tersebut dalam bidang pendidikan di Malaysia (NorHashim, Mazenah & Rose Alinda, 1996).

Aspek teknologi telah digabungkan dalam kurikulum sekolah sebagai satu daya usaha ke arah menyemai dan memupuk minat serta sikap yang positif terhadap perkembangan teknologi. Budaya persekolahan seharusnya diubah daripada sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi terkini (KPM, 1997). Atas alasan inilah pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mengujudkan Sekolah Bestari yang sekali gus bertindak mengisi agenda perancangan dan pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor atau MSC). Pelaksanaan Sekolah Bestari akan membuka ruang seluas-luasnya kepada teknologi komputer dan internet, yang akan membolehkan fleksibiliti dan kepelbagaian dibina dalam sistem pendidikan (KPM, 1997). Penggunaan dan perkembangan internet yang meluas dalam bidang perniagaan dan komunikasi, akan memudahkan pelaksanaannya dalam bidang pendidikan.

2.0 KOMPUTER SEBAGAI ALAT

Menurut kenyataan John Herriott dalam buku yang ditulis oleh Wright dan Forcier (1985), komputer berfungsi sebagai alat yang dapat memberi kelebihan-kelebihan seperti menyediakan bahan-bahan dan maklumat-maklumat berguna di dalam sesuatu program. Selain itu, komputer bertindak sebagai alat dalam membenarkan pelajar-pelajar bertindak mengikut kemampuan dan menyediakan sokongan audio dan video menerusi penggunaan peranti-peranti yang disambung secara terus ke komputer.

Selain itu, komputer bertindak sebagai alat komunikasi iaitu menyampaikan dan menerima maklumat melalui internet. Istilah internet berasal dari bahasa Latin *inter*, yaitu berarti “antara”. Secara kata per kata internet berarti jaringan antara atau penghubung. Internet menghubungkan berbagai jaringan yang tidak saling bergantung pada satu sama lain sedemikian rupa, sehingga mereka dapat berkomunikasi.

Sistem yang operasi yang berbeda yang digunakan pada masing-masing jaringan tidak menjadi masalah, apakah sistem DOS, WINDOWS, LINUX, UNIX. Dengan demikian definisi dari internet adalah “jaringannya jaringan”, dengan menciptakan kemungkinan komunikasi antar jaringan di seluruh dunia tanpa tergantung pada jenis computer. Internet adalah sebuah sistem komunikasi global yang menghubungkan computer-computer dan jaringan-jaringan komputer di seluruh dunia.

Oleh itu, melalui internet ianya merupakan alat sebagai enjin pencarian maklumat dan juga penyampaian maklumat. Ianya juga bertindak sebagai alat apabila komputer mampu menyimpan maklumat serta mencetak maklumat iaitu melalui pencetak (printer).

3.0 KOMPUTER SEBAGAI GURU

Komputer sebagai satu alat yang membantu dalam kehidupan seharian. Ditambah lagi dengan jaringan teknologi yang di namakan internet. Ia merupakan jaringan komunikasi di seluruh dunia tanpa mengira tempat, waktu dan jenis komputer. Komputer membolehkan kita menggunakannya dengan mudah, cepat dan lebih sistematik. Selain itu, dengan adanya komputer ini sistem dokumen yang dahulunya dilakukan secara bertulis, kini boleh dilakukan dengan mudah dengan menaip dan menyimpannya di dalam sistem storan.

Kini, komputer banyak digunakan di dalam sistem pendidikan. Sistem pendidikan mula sedar akan kelebihan menggunakan komputer. Oleh itu, mereka mewujudkan kurikulum Pengajaran berbantuan Komputer (PBK). Malah, komputer digunakan sebagai alat bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran oleh guru. Komputer sebagai guru juga telah menyebabkan guru menjadi agen perubahan kepada murid – murid. Ia kerana guru tidak mahu kelihatan seperti ketinggalan zaman.

Pengajaran berbantuan komputer boleh dilihat sebagai satu alternatif ke arah melahirkan generasi yang kreatif, inovatif, kritis dan berwawasan selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin mencapai Falsafah Pendidikan Kebangsaan, di mana ia menjadi asas kepada Pembentukan Kurikulum Pendidikan Malaysia.

Pengajaran berbantuan komputer boleh diaplikasikan dengan pelbagai cara. Sebagai contoh, guru boleh menggunakan teknologi ICT melalui laman web pembelajaran untuk mengadakan latihan di dalam kelas. Setiap pelajar dikehendaki menjawab soalan latihan di laman web dan kemudian guru dan pelajar akan membincangkan jawapannya di dalam kelas. Sebagai contoh, laman web yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran iaitu, <http://spp.moe.edu.my> mengandungi pelbagai nota dan latihan yang amat berguna buat guru dan pelajar.

Kebiasaannya pelajar akan mudah tertarik dengan pengajaran yang menggunakan komputer untuk sesuatu subjek. Pelajar akan mudah memahami dan minat dengan penggunaan teknologi masa kini. Penggunaan komputer dalam pengajaran juga merupakan salah satu kaedah

yang dapat membantu guru untuk menyampaikan pengajaran di dalam kelas dengan berkesan di samping dapat menarik perhatian pelajar untuk menumpukan tentang apa yang di sampaikan.

4.0 KOMPUTER SEBAGAI PELAJAR

Guru memainkan peranan penting dalam menarik minat pelajaranya ke arah penggunaan komputer. Selain itu, komputer sebagai pelajar juga telah memainkan peranan yang penting kerana kini semua maklumat berada di hujung jari kita. Seterusnya, Pelajar juga dengan mudahnya boleh mencari maklumat tambahan tentang pembelajaran sesuatu pengajaran menggunakan komputer. Tambahan pula, Pelajar pada zaman kini haruslah mengetahui tentang isu – isu semasa, dan mereka boleh menggunakan komputer sebagai salah satu alat untuk menghubungkan mereka ke dunia luar.

Kini, Komputer sebagai pelajar juga dapat dilihat dari konsep ‘belajar secara talian atau jauh’. Di negara barat, konsep ini telah dilaksanakan di mana guru mereka hanya mengajar melalui talian. Ini memudahkan pelajar dan guru. Namun begitu, guru haruslah membimbing pelajar – pelajar mereka ke arah penggunaan komputer dengan betul.

5.0 RUMUSAN

Selaras dengan pembangunan teknologi Negara kita, peranan komputer semakin diberi perhatian oleh masyarakat dari hari ke hari. Oleh itu, komputer merupakan alat yang banyak membantu urusan seharian dan komputer sebagai pelajar juga dapat membantu dalam pembelajaran dan akhirnya komputer sebagai guru juga banyak membantu dalam urusan pengajaran dan pembelajaran. Tuntasnya, komputer sebagai alat, pelajar dan juga guru memainkan peranan yang penting kepada pembangunan diri, masyarakat dan juga Negara.

Secara ringkasnya, teknologi hari ini melibatkan aplikasi pengetahuan, sumber, bahan, alat dan maklumat dalam proses rekabentuk, penghasilan dan penggunaan produk secara fizikal dan sosial. Teknologi juga mampu mengembangkan keupayaan manusia untuk mengawal dan memperbaiki alam sekeliling. Oleh itu, golongan pendidik seharusnya tidak melepaskan peluang yang disediakan dalam arus pembangunan teknologi hari ini dalam membantu memantapkan sistem pendidikan. Dan bukan golongan pendidik sahaja malah semua golongan tidak kira jurusan haruslah mendalami ilmu komputer kerana ianya bukan sahaja dapat membantu kita dalam banyak aspek.

6.0 RUJUKAN

1. <http://www.academia.edu/3620342/penguasaan ICT dikalangan guru>
2. [Penggunaan Komputer Dan Internet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Daerah Pasir Mas](#)
3. <http://studentsrepo.um.edu.my/206/3/BAB2.pdf>
4. <http://ishakothman.tripod.com/pbk1.html>
5. <http://www.geocities.ws/fmurni/imurni.html>